

TINGKATAN 3 (BAB 5) : KEMERDEKAAN NEGARA 31 OGOS 1957

PMR 1996

(JAWAPAN D: NOTA 1b i)

Soalan 39 berdasarkan senarai di bawah.

- Lord Reid
- Sir Ivor Jennings
- Sir William Mckell
- Hakim B. Malik
- Hakim Abdul Hamid

- 39 Apakah sumbangan tokoh dalam senarai di atas dalam sejarah Persekutuan Tanah Melayu?
- A Merancang Dasar Pelajaran Kebangsaan
 B Membuat persiapan bagi memulakan pilihan raya kebangsaan
 C Merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka
 D Mendapatkan persetujuan sultan Negeri-Negeri Melayu tentang Perlembagaan Persekutuan

(JAWAPAN C: NOTA 2i)

Soalan 40 berdasarkan laporan akhbar di bawah.

TIMES	8 FEB 1956
London:	<i>Hari bersejarah bagi Tanah Melayu. Perjanjian London yang ditandatangani antara Kerajaan British dengan wakil Tanah Melayu bagi membolehkan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Dari tarikh perjanjian ini hingga tarikh kemerdekaan, kedua-dua pihak mempunyai satu tahun enam bulan untuk membuat persediaan</i>

- 40 Berdasarkan laporan akhbar di atas, apakah persediaan yang perlu dilakukan oleh kedua-dua pihak dalam tempoh tersebut?
- A Mengadakan rundingan untuk mengakhiri ancaman komunis
 B Menyatupadukan rakyat dalam satu parti politik
 C Membentuk satu sistem pilihan raya kebangsaan
 D Merangka satu bentuk perlembagaan baru

Soalan 41 berdasarkan jadual di bawah.

- | | |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Ketua Menteri • Majlis Mesyuarat Kerja • Majlis Perundangan | <ul style="list-style-type: none"> • Perdana Menteri • Kabinet • Parlimen |
|---|--|


R

S

- 41 Perubahan sistem pentabiran negara kita dari R ke S berlaku setelah
- A diisytiharkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu 1957
 B diadakan Pilihan Raya Umum 1955
 C dipenkenalkan Sistem Ahli 1951
 D ditubuhkan Persekutuan Tanah Melayu 1948

PMR 1998

Soalan 37 berdasarkan rajah di bawah.



- 37 Apakah kesan langsung perjanjian di atas?
- A Raja-Raja Melayu mendapat kuasa mereka semula
 B British mengundurkan tenteranya dari Persekutuan Tanah Melayu
 C Perdagangan British di Tanah Melayu dihentikan
 D Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan

(JAWAPAN D: NOTA 1b i)

PMR 1999

44 Apakah perkara yang menjadi syarat Persekutuan Tanah Melayu diberikan kemerdekaan oleh British pada tahun 1956?

- I Menguasai hal-ehwal politik
- II Mengekalkan sistem pendidikan
- III Mengekalkan pangkalan tenteranya
- IV Menjalankan kegiatan ekonomi dengan bebas


- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

(JAWAPAN C: NOTA 1c i+ii)

Seperti 1999 no 44

PMR 2000

Soalan 35 berdasarkan rajah di bawah.



35 Berdasarkan rajah di atas, apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh British sebelum memberi kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu?

- I Pegawai British dilantik penasihat kewangan
- II Pangkalan tentera British dikekalkan
- III Pelaburan British diberi jaminan
- IV Pegawai British turut menggubal perlembagaan

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

(JAWAPAN B: NOTA 1c i+ii)

PMR 2003

Soalan 39 berdasarkan pernyataan di bawah.

Suruhanjaya Reid dipertanggungjawabkan untuk merangka Relembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada Jun 1956.

39 Berdasarkan pernyataan di atas, apakah langkah yang telah diambil?

- A Memilih Ahli Majlis Bandaran
- B Menggubal perlembagaan yang lebih adil
- C Mendapatkan pandangan Majlis Raja-raja
- D Menerima syor daripada bekas pegawai British

(JAWAPAN B: NOTA 2 i)

Soalan 40 berdasarkan senarai di bawah.

- Agama
- Bahasa
- Hak istimewa

40 Senarai di atas merujuk kepada perkara yang dipinda oleh Parti Perikatan terhadap Laporan Suruhanjaya Reid. Tuntutan tersebut bertujuan

- A memupuk semangat cintakan negara
- B membentuk identiti masyarakat tempatan
- C mengekalkan kedudukan istimewa orang Melayu
- D menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar

(JAWAPAN C: NOTA 2b iii)

PMR 2004

42 Parti Perikatan telah membuat beberapa pindaan terhadap Laporan Suruhanjaya Reid.

Mengapakah laporan tersebut dipinda?

- A Mengekalkan warisan tradisi bangsa
- B Menetapkan struktur pentadbiran kaum
- C Mewujudkan sikap bertolak ansur antara kaum
- D Menjadikan bahasa Malaysia bahasa pengantar semua sekolah

(JAWAPAN C: NOTA 2b)

Soalan 49 berdasarkan pernyataan di bawah.

Tulisan Jawi

49 Tulisan Jawi telah digunakan dalam dokumen pemsyukuran kemerdekaan 1957.

Apakah tujuan penggunaan tulisan tersebut?

- A Menunjukkan kesenian
- B Simbol warisan bangsa
- C Mengekalkan jati diri
- D Lambang kepelbagaian dalam penulisan

(JAWAPAN B: NOTA 3)

PMR 2005

49 Rundingan di London telah diadakan pada tahun 1956 dalam usaha mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu.

Apakah yang dibincangkan dalam rundingan tersebut?

- I Pemilihan harta British terjamin
- II Pengamalan konsep Raja Berperlembagaan
- III Pelantikan pegawai British dalam pentadbiran
- IV Pengekalan pangkalan tentera British di Tanah Melayu

- A I, II dan III C I, III dan IV
- B I, II dan IV D II, III dan IV

(JAWAPAN B: NOTA 1c i+ii+iii)

Laporan Suruhanjaya Reid tentang perlembagaan telah dipinda hasil perbincangan dan pendapat Majlis Raja-Raja, parti politik, dan orang perseorangan.

50 Pernyataan di atas menerangkan tentang pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Apakah kesimpulan yang dibuat tentang pindaan tersebut?

- I Perlembagaan perlu meliputi kepentingan semua kaum
- II Sikap tolak ansur penting dalam menggubal perlembagaan
- III Penggubal perlembagaan mestilah di kalangan pemimpin tempatan
- IV Pandangan rakyat perlu diambil kira dalam menggubal perlembagaan

- A I, II dan III C I, III dan IV
- B I, II dan IV D II, III dan IV

(JAWAPAN B: NOTA 2b)

31 Ogos 1957

- Bendera Union Jack diturunkan
- Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan

51 Apakah kesan daripada peristiwa di atas kepada Tanah Melayu?

- I Perjajahan British berakhir
- II Pembentukan sebuah negara demokrasi
- III Penutupan semua pangkalan tentera British
- IV Pengembalian kuasa kepada pemerintah tempatan

- A I, II dan III C I, III dan IV
- B I, II dan IV D II, III dan IV

(JAWAPAN B: NOTA 4a)

PMR 2006

X

- Merangka perlembagaan negara
- Mengagihkan kuasa antara kerajaan pusat dan negeri
- Mewujudkan satu rupa bangsa Persekutuan Tanah Melayu



51 Rajah di atas merujuk kepada tanggungjawab X yang dibentuk pada tahun 1956.

Apakah X?

- A Majlis Eksekutif
- B Majlis Undangan
- C Suruhanjaya Reid
- D Suruhanjaya Cobbold

(JAWAPAN C: NOTA 2)

Seperti 2004 no 42



53 Dokumen di atas menunjukkan Pemasyhuran Kemerdekaan 1957.

Mengapakah dokumen tersebut ditulis dengan tulisan jawi?

- A Menjadi lambang perpaduan
- B Mendapat arahan Raja-raja Melayu
- C Merupakan simbol warisan bangsa
- D Mematuhi Perlembagaan Tanah Melayu


(JAWAPAN C: NOTA 3)

53 Apakah perkara yang dipersetujui dalam Perjanjian London pada tahun 1956?

- I Pembentukan Jemaah Menteri
 - II Pelantikan suruhanjaya bebas
 - III Penetapan tarikh kemerdekaan
 - IV Pembentukan pasukan keselamatan
- A I dan II C III dan IV
B II dan III D I dan IV

(JAWAPAN B: NOTA 1b i+ii)

PMR 2007



50 Rajah di atas menunjukkan tugas Suruhanjaya Reid yang dibentuk pada tahun 1956.

Apakah X?

- A Menetapkan dasar pelajaran kebangsaan
- B Merangka perlembagaan merdeka
- C Menetapkan tarikh pilihan raya
- D Membentuk perpaduan kaum

(JAWAPAN B: NOTA 2)




54 Gambar menunjukkan Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan kemerdekaan Tanah Melayu.

Apakah perasaan anda sekiranya berada dalam majlis tersebut?

- I Cinta akan negara
 - II Hormat pada lambang negara
 - III Bersyukur sebagai warganegara
 - IV Bangga dengan perjuangan pemimpin negara
- A I, II dan III C I, III dan IV
B I, II dan III D II, III dan IV

(JAWAPAN C: NOTA 1e)




52 Mengapakah rombongan tersebut bertolak ke London?

- A Menuntut kemerdekaan
- B Membincangkan hal pilihan raya
- C Mendesak pembentukan suruhanjaya
- D Mencadangkan pindaan perlembagaan

(JAWAPAN A: NOTA 1a)

PMR 2008

50 Carta alir berikut menunjukkan langkah ke arah kemerdekaan negara kita.



Apakah X

- A Pengenalan Sistem Ahli
- B Pembentukan Suruhanjaya Reid
- C Pelaksanaan pilihan raya Majlis Bandaran
- D Penubuhan Jawatankuasa Majlis Eksekutif

(JAWAPAN B: NOTA 4c)

51 Mengapakah perkara berikut dijadikan panduan oleh Suruhanjaya Reid?

- Menjamin kedudukan Raja-Raja Melayu
- Mewujudkan satu rupa bangsa Persekutuan Tanah Melayu

- A Merancang dasar pelajaran kebangsaan
- B Membentuk Undang-undang Persekutuan
- C Menggubal Perlembagaan Merdeka
- D Melaksanakan pilihan raya umum

(JAWAPAN C: NOTA 2 iii+iv)

52 Perkara berikut adalah antara kandungan Perlembagaan Merdeka yang dipersetujui hasil daripada perbincangan masyarakat pelbagai kaum di negara kita.

- Kedudukan istimewa orang Melayu
- Kerakyatan terbuka
- Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan

Apakah nilai yang boleh dicontohi daripada sikap masyarakat Tanah Melayu?

- A Bersifat amanah
- B Bertindak jujur
- C Bertatasusila
- D Bertolak ansur

(JAWAPAN D: NOTA 2b)


53 Tunku Abdul Rahman telah berjaya mendapatkan kemerdekaan negara tanpa pertumpahan darah.

Apakah pengajaran daripada kejayaan tersebut?

- A Berdiplomasi membaya kejayaan
- B Berdisiplin menjalankan tugas
- C Berbangga dengan warisan negara
- D Berusaha meningkatkan kebolehan

(JAWAPAN A: NOTA 4d)

53 Rajah 6 menunjukkan proses ke arah kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.



Rajah 6

Apakah X?

- A Perjanjian Kondon
- B Pilihan raya umum
- C Penamatan darurat
- D Pembentukan Jemaah Menteri

(JAWAPAN A: NOTA 4c)

PMR 2010

51 Mengapakah tokoh berikut mesti dikenang oleh semua warganegara Malaysia?



Tunku Abdul Rahman



Tun H.S. Lee



Tun V.T. Sambanthan

- A Membebaskan negara daripada penjajah
- B Menamatkan pentadbiran Malayan Union
- C Mencadangkan pembentukan Sistem Ahli
- D Menyeragamkan sistem pendidikan

(JAWAPAN A: NOTA 4e)

PMR 2009

52 Gambar berikut menunjukkan Perjanjian London yang ditandatangani pada tahun 1956.



Apakah kesan perjanjian tersebut?

- I Pilihan raya diadakan
 - II Sistem Ahli diperkenalkan
 - III Suruhanjaya Reid dibentuk
 - IV Tarikh kemerdekaan ditetapkan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(JAWAPAN D: NOTA 1b i+ii)

PMR 2011


52 Persekutuan Tanah Melayu berjaya mencapai kemerdekaan dalam tempoh dua tahun selepas pilihan raya umum 1955?

Apakah faktor kejayaan tersebut?

- A Penubuhan Jawatankuasa Antara Kerajaan
- B Pembukaan keahlian UMNO kepada semua kaum
- C Pembubaran Parti Komunis Malaya
- D Persetujuan Perjanjian London

(JAWAPAN D: NOTA 1b)


53 Berdasarkan rajah berikut, apakah X?



- A Suruhanjaya Reid
- B Suruhanjaya Cobbold
- C Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
- D Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia

(JAWAPAN A: NOTA 2 i)

54 Garis masa berikut berkaitan dengan kronologi kemerdekaan negara.



Apakah X?

- A Pelaksanaan pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan
- B Pembentukan Jawatankuasa Pilihan Raya
- C Pembentukan Parti Perikatan
- D Pembentukan Suruhanjaya Reid

(JAWAPAN D: NOTA 4c)